

# Segelintir wartawan tulis perkara memalukan mengenai negara sendiri dikecam

KUALA LUMPUR 11 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengecam segelintir wartawan tempatan yang menulis perkara-perkara yang memalukan dan mengenai kegagalan di negara sendiri.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berdana Menter i gembira kerana pada umumnya wartawan Malaysia tidak terlibat dalam perbuatan seperti ini.

Semasa berucap pada majlis makan malam anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan - Wartawan Malaysia di sini malam tadi, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan menulis perkara-perkara seumpama itu bukanlah caranya untuk membantu negara.

Tidak seorangpun daripada kita yang beruntung dengan memburukkan negara sendiri dan membuatkan ra-

Perdana Menteri berkata, perkara-perkara seperti itu adalah lumrah di negara-negara maju, tetapi sebaliknya mereka mengkritik negara-negara membangun mengenai perkara yang sama.

Bagaimanapun, tambahnya para wartawan asing tidak begitu sering menulis perkara-perkara yang memalukan di negara-negara mereka seperti yang sering dilakukan oleh setengah wartawan tempatan mengenai kegagalan di negara sendiri.

“Janganlah kebencian terhadap seseorang atau sesuatu kumpulan membuat kita melepaskan geram terhadap negara sendiri,” kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau berkata, “kita orang yang bebas dan jika sesiapa hendak

malan perkara-perkara buruk akan berlaku menjadi kenyataan, tambahnya.

Beliau berkata, hakikatnya ialah negara-negara lain adalah lebih buruk daripada kita termasuk negara-negara maju.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, “saya gembira beberapa akhbar sekarang ada menulis mengenai kemiskinan di Eropah dan Amerika”.

Bagaimanapun, tambahnya apa yang telah dipaparkan hanyalah sebahagian kecil sahaja, kerana banyak lagi yang berlaku di negara-negara maju seperti kemiskinan yang berleluasa, diskriminasi kaum dan warna dan semua bentuk jenayah

memburuk-burukkan negaranya sendiri, itu haknya.

Mengenai demokrasi, Perdana Menteri berkata, demokrasi dicipta untuk membebaskan manusia daripada segala kebimbangan terhadap kerajaan.

Katanya, ada pendapat bahawa dengan menjadikan kerajaan tidak tetap, penindasan dan kebimbangan dapat dibanteras dan rakyat pula boleh dengan bebas mengkritik kerajaan.

Mungkin, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, dalam demokrasi, kebimbangan daripada kecederaan fizikal sedikit sebanyak telah dibasmi, tetapi seseorang itu boleh dibunuh dengan fitnah.